



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Di Sebalik Estée Lauder

HAJAH KHAMISAH BINTI ABD MANAF

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

khami181@uitm.edu.my

Siapakah Wanita yang Bernama Estée Lauder?

Estée dilahirkan di Corona, Queens, New York City (1), ibunya bernama Rose Schotz, manakala bapanya Bernama Max Mentzer. (2)(3) Ibu bapanya ialah pendatang Hungary-Yahudi (4)(5)(6) di mana keluarga sebelah ibu dan neneknya berasal dari Sátoraljaújhely dan datuknya dari Gelle (kini dikenali sebagai Holice, Slovakia), (7) bapanya pula berketurunan Czech-Yahudi. Pada tahun 1898, ibu Estée iaitu Rose Schotz bersama lima anaknya telah berhijrah dari Hungary ke Amerika Syarikat untuk menetap bersama suaminya yang pertama iaitu Abraham Rosenthal. (1) Akan tetapi, pada tahun 1905, Rose telah berkahwin untuk kali kedua dengan Max Mentzer, seorang pekedai yang juga telah berhijrah ke Amerika Syarikat pada tahun 1890-an. (1) Mereka telah dikurniakan anak perempuan dan ingin menamakannya Eszti, sempena nama ibu saudara kesayangannya di Hungary, tetapi pada saat-saat akhir memutuskan untuk memberi nama Josephine Esther Mentzer. Bagaimanapun, nama panggilan bayi itu menjadi “Estée”, iaitu nama Estée yang digunakannya apabila Estée melancarkan empayar minyak wanginya bersama suaminya, beliau juga telah menambahkan tanda loghat untuk menjadikan namanya kelihatan seperti nama bangsa Perancis dan mula menyebutnya seperti yang dituturi oleh bapanya dalam loghat Hungary.

Estée bertemu dengan Joseph Lauder ketika dia berumur awal dua puluhan dan dikurniakan dua cahayamata lelaki. Pada 15 Januari 1930, setelah berkahwin mereka telah menukar nama keluarga daripada Lauder kepada Lauder. (10) Anak pertama mereka, iaitu Leonard, dilahirkan pada 19 Mac 1933. (1)(11) Pasangan ini telah berpisah pada tahun 1939 dan Estée Lauder telah berpindah ke Florida, tetapi mereka telah berkahwin semula pada tahun 1942. (12) Anak lelaki kedua mereka, iaitu Ronald, dilahirkan pada tahun 1944. Estée dan Joseph Lauder kekal berkahwin sehingga ke akhir hayat Joseph iaitu sehingga tahun 1982.

Minat Estée Lauder Untuk Menjadi Usahawan

Estée menamatkan pengajian di Newtown High School di Elmhurst, Queens, New York, dan kebanyakan zaman kanak-kanaknya dihabiskan untuk bekerja. Seperti kebanyakan lapan adik-beradiknya yang lain,

dia bekerja di kedai ‘hardware’ milik keluarga, di mana dia mendapat pengalaman dan pendedahan awal dalam bidang perniagaan, keusahawanan dan bagaimana cara untuk menjadi peruncit yang berjaya dan dari situ juga lah minat beliau timbul dalam bidang keusahawanan telah bercambah. Walau bagaimanapun impian beliau semasa kecil adalah untuk menjadi seorang pelakon yang popular.

Apabila Estée semakin dewasa, dia bersetuju untuk membantu bapa saudaranya, Dr. John Schotz, dengan perniagaannya. Schotz ialah seorang ahli kimia dan syarikatnya, New Way Laboratories, menjual produk kecantikan seperti krim, losyen, rouge dan wangian. Dia menjadi lebih berminat dalam perniagaan setelah membantu bapa saudara nya menjual produk kecantikan. Beliau sangat terpesona melihat bapa saudaranya mencipta produk kecantikan. Bapa saudaranya juga telah mengajar beliau cara mencuci muka dan melakukan urutan muka dengan kaedah yang betul. Selepas tamat sekolah tinggi, beliau berazam untuk fokus dalam syarikat bapa saudara nya itu dan mula membuat produknya sendiri seperti Super Rich All-Purpose Cream, Six-In-One Cold Cream and Dr Schotz Viennese Cream. Bermula dari situ lah syarikatnya terus berkembang ke serata dunia sehingga ke hari ini.

Estée menamakan salah satu adunan Krim Serbaguna Super Rich milik bapa saudaranya, dan mula menjual produk itu kepada rakan-rakannya. (1) Estée menjual krim seperti krim sejuk Six-In-One dan Krim Vienna Dr. Schotz kepada kedai kecantikan, kelab di pantai-pantai dan pusat peranginan. (11) Pada suatu hari, ketika Estée sedang merapikan rambutnya di House of Ash Blondes, pemilik salun Florence Morris bertanya kepada Estée tentang kulitnya yang cantik dan halus. Tidak lama kemudian, Estée kembali ke salon kecantikan itu dan menghulurkan empat krim milik bapa saudaranya dan menunjukkan demonstrasi penggunaan krim tersebut kepada pemilik salun rambut tersebut. Morris sangat kagum sehingga dia meminta Estée menjual produknya di salon baharu Morris. Disinilah permulaan perniagaan krim kecantikan milik Estée bermula.

Rahsia Kejayaan Estée Lauder Sebagai Usahawan Terkemuka

Sebagai perintis dalam promosi pemberian hadiah, kebanyakan kejayaan Estée Lauder datang dari mulut ke mulut, atau apa yang dipanggilnya pengiklanan "Tell-A-Woman". Estée Lauder secara rasminya telah menubuhkan syarikatnya pada tahun 1946 di Manhattan. Produk Estée akhirnya berada di gedung serbaneka kelas atasan, dan Estée telah mengembangkan jenamanya dengan menjual minyak wangi dan rangkaian produk untuk lelaki, Perniagaan Estée telah memperoleh kejayaan di peringkat antarabangsa.

Pada tahun 1953, Estée Lauder memperkenalkan wangian pertamanya, Youth-Dew, minyak mandian yang juga berfungsi sebagai minyak wangi. Daripada menggunakan minyak wangi dari Perancis yang menggunakan kaedah titisan di belakang setiap telinga, wanita mula menggunakan Youth-Dew dengan botol dalam air mandian mereka. Pada tahun pertama, ia menjual 50,000 botol, manakala menjelang tahun 1984, angka itu telah meningkat kepada 150 juta botol telah terjual (10).

Estée Lauder ialah subjek dokumentari TV 1985, Estée Lauder: The Sweet Smell of Success. Di mana beliau menjelaskan bahawa kejayaannya adalah kerana, (Petikan kata-kata Estée Lauder) "Saya tidak pernah bekerja sehari dalam hidup saya tanpa menjual. Jika saya percaya pada sesuatu, saya akan menjualnya dan saya menjualnya dengan bersungguh-sungguh walaupun sukar."(10) Disebalik kejayaan jenama Estée Lauder yang masyhur di peringkat dunia dalam bidang kosmetik, dibelakangnya bermula dari usaha gigih wanita bernama Josephine Esther Mentzer @ Estée Lauder yang sentiasa

berusaha gigih untuk memajukan produk kecantikan yang dihasilkan.

Rahsia kejayaan Estée Lauder adalah kerana kepercayaan beliau terhadap produk yang dihasilkan, bekerja keras, dan istiqomah untuk mencapai cita-citanya telah membawa kejayaan yang indah kepadanya. Oleh itu kita mesti mencontohi sikapnya yang optimis dan jangan biarkan keadaan sekeliling menguasai diri. Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, jika kaum tersebut tidak berusaha mengubah apa yang ada pada dirinya.

Fakta Menarik Mengenai Estée Lauder:

Estée terkenal dengan kaedah 'jualan gerila' dan taktik kreatifnya. Apabila pengurus di kedai enggan menyimpan produknya, dia 'secara sengaja' menumpahkan wangian terkenalnya 'Youth Dew' semasa demonstrasi. Bau itu dengan cepat membangkitkan minat pelanggan, yang menyebabkan pengurus akhirnya menerima produk tersebut untuk dijual di kedainya iaitu Galeries Lafayette di Paris.

Kata-kata Motivasi Estée Lauder Untuk Menjadi Usahawan Yang Berjaya

Kata - kata yang pernah dilontarkan oleh Estée Lauder semasa hayatnya. Diharapkan kepada semua bakal usahawan dan wanita di luar sana dapat mencedok dan menghayati maksud yang beliau perkatakan:

"If you have a goal, if you want to be successful, if you really want to do it and become another Estee Lauder,



you've got to work hard, you've got to stick to it and you've got to believe in what you're doing."

"Beauty is an attitude. There's no secret. Why are all brides beautiful? Because on their wedding day they care about how they look. There are no ugly women – only women who don't care or who don't believe they're attractive."

"If you don't sell, it's not the product that's wrong, it's you."

Sejarah Perkembangan Syarikat Estee Lauder (1946-2008)

1946: Estée Lauder and her husband, Joseph, found Estée Lauder Inc
1953: Company introduces the immensely successful bath oil, Youth Dew.
1964: The male fragrance Aramis makes its debut.
1968: Estée Lauder introduces Clinique, a hypoallergenic line.
1972: Leonard Lauder, son of the founders, is named company president.
1979: Prescriptive brand debuts.
1990: The botanical treatment line Origins is introduced.
1993: In its first licensing venture, Estée Lauder signs an exclusive deal with fashion designer Tommy Hilfiger.
1995: The Estée Lauder Companies Inc. goes public.
1997: Company makes a major move into the hair care segment with the purchase of Aveda Corporation.
2003: Estée Lauder enters a strategic alliance with Kohl's Corporation to build and manage new cosmetic departments stocked with exclusive brands at Kohl's discount department stores.
2008: Fabrizio Freda is appointed president and COO and named heir apparent to the CEO slot.

Sumber rujukan : <http://www.answers.com/topic/the-est-e-lauder-companies-inc>

RUJUKAN

Empress with a finger in every pot of cream. The Glasgow Herald. April 8, 1986. p. 10.

Estee Lauder biography. financial-inspiration.com. Archived from the original on February 22, 2008.

Estée Lauder, Pursuer of Beauty and Cosmetics Titan, Dies at 97. The New York Times. April 26, 2004.

Estee Lauder. The Biography Channel. AETN UK. Archived from the original on July 14, 2014.

Josephine Esther Mentzer – New York, New York City Births. Retrieved via FamilySearch.

Kent, Jacqueline C. (2003), Business Builders in Cosmetics, The Oliver Press, ISBN 1-881508-82-X.

Lauder, Estee. "The Makings of a Beauty Tycoon: Estee Lauder is Born". EvanCarmichael.com. Archived from the original on October 17, 2015.

Leonard Lauder. Cityfile.com. Archived from the original on October 11, 2010.

Population Schedule". Fourteenth Census of the United States. US Department of Commerce, Bureau of the Census. 1920. Retrieved via FamilySearch.com.

Population Schedule. Fifteenth Census of the United States. US Department of Commerce, Bureau of the Census. 1930. Retrieved via FamilySearch.com.

Severo, Richard (April 26, 2004). "Estée Lauder, Pursuer of Beauty and Cosmetics.

Titan, Dies at 97". The New York Times.

Votruba, Martin. "Estée Lauder". Slovak Studies Program. University of Pittsburgh.